

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN PEMBUKAAN KILANG
SYARIKAT PENFIBRE SENDIRIAN BERHAD DI
KAWASAN PERINDUSTRIAN PRAI, PULAU
PINANG PADA 27HB DISEMBER, 1974**

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat Penfibre Sendirian Berhad kerana sudi menjemput saya pada pagi ini untuk merasmikan pembukaan Kilang Syarikat ini.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan para pekerja syarikat ini sempena hari pembukaan rasmi Syarikat ini pada pagi ini.

Syarikat Penfibre ini telah mencatatkan rekod cemerlang kerana dalam masa satu setengah tahun telah dapat memulakan pengeluaran "polyester staples and yarn" untuk diekspot kesemuanya. Projek ini adalah yang terbesar dengan perbelanjaan pelaburan sebanyak \$120 juta iaitu usaha bersama antara pengusaha Malaysia dan dua Syarikat Textiles yang terkemuka iaitu Textiles Alliance dari Hongkong dan Toray Industrial Company yang terkenal di Jepun. Saya juga diberitahu inilah projek yang julung kali mengeluarkan polyester staples and yarns dengan secara besar-besaran.

I should like to express our gratitude and appreciation to the chairman and board of directors of Penfibre Sendirian Berhad for their initiative and far-sightedness in establishing this industry of "polyester staples and yarns" for export. This is one of the biggest industrial projects in this country with an investment amounting to \$120 million. It is a joint effort.

By industrialists from Malaysia and two well-known Textile Companies from overseas i.e. Textile Alliance from Hongkong and Toray Industrial Company from Japan. I am also given to understand that this is the first project aimed at exporting polyester staples and yarns in a big way.

Sesungguhnya kita boleh berbangga dengan kesetabilan politik dan ekonomi di negara kita sebagaimana dibuktikan oleh Syarikat Penfibre ini yang datang semula ke Malaysia untuk menjalankan

projeknya yang kedua ini. Dalam hubungan ini juga, saya suka cita menyebutkan iaitu Textile Alliance Group telah memilih Malaysia untuk mendirikan tujuh projek Textile untuk dieksploitasi dalam tempoh masa selama tiga tahun. Ini dengan jelas menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur asing tentang kesetabilan Malaysia dan keteguhan ekonomi negara ini dan sanggup menerima sebarang jenis industri samada "sophisticated, labour intensive ataupun export oriented".

Sehingga baru-baru ini projek elektronik dan Textile adalah merupakan industri-industri yang terbesar di negara ini. Meskipun terjejas oleh keadaan ekonomi yang sedang merosot di Amerika dan Jepun, kita telah berjaya menjadikan Malaysia pusat yang paling viable untuk projek elektronik di rantau ini. Saya yakin kita juga berjaya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat Textiles di Asia pada satu masa kelak.

Sebagaimana sedia dimaklum, pada masa ini kita sedang mengkaji kemungkinan memajukan "petro-chemical industry" menggunakan sumber petroliam kita sendiri atas inisiatif petronas. Projek seperti Penfibre ini yang menggunakan bahan-bahan "petro-chemical" sebagai bahan mentah, akan menolong mempercepatkan penubuhan projek "petro-chemical" ini. Saya ingin melihat petronas menumpukan perhatian terhadap perkara yang penting ini.

Satu lagi objectif polisi perindustrian kita ialah menaburkan seberapa banyak projek perindustrian di kawasan-kawasan pembangunan terutama di kawasan-kawasan baru. Kita sukacita Textile Alliance dapat mendirikan projek-projeknya di Pulau Pinang. Tujuan Textile Alliance ini adalah secara kebetulan coincide dengan hasrat Dr Lim untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Manchester di rantau ini. Tetapi saya harap kita tidak melupakan kawasan-kawasan yang belum maju yang memerlukan pergerakan dari industri-industri. Sebenarnya projek Textile yang besar sedang didirikan di kawasan-kawasan seperti Bakar Arang di Kedah, Kuala Kangsar di Perak dan juga di Melaka dan saya difahamkan projek-projek tersebut berjalan dengan viable sekali. Bantuan-bantuan yang sewajarnya sedia diberikan oleh kerajaan iaitu infrastructure facilities dan juga dengan adanya labour mobility yang memuaskan.

As I have said, I am happy that this big Textile project is being established in Malaysia—in Penang. Obviously, this project

coincides with the idea of the Chief Minister to make Penang the Manchester of the east. However, I do hope that you would also bear in mind our policy objective that industries should be spread out to smaller towns as well as new growth centres. The government will do everything possible to provide necessary infrastructure facilities to enable these industries to be established in the less-developed areas and I do hope that our industrialists either locally or from overseas would also look towards these areas in establishing industries. We now have Textile Industries in Bakar Arang in Kedah and Kuala Kangsar in Perak and also in Malacca. It is therefore not quite true to say that projects such as these are not viable in the smaller towns and rural areas.

Kita semua sedar pada masa ini seluruh dunia sedang menghadapi keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Dalam keadaan ini, terdapat barangkali pihak-pihak yang kurang bersetuju dengan langkah kerajaan membanyakkan export-oriented industries seperti electronics and textiles oleh kerana pada pendapat mereka projek-projek ini berkait rapat dengan kedudukan ekonomi antarabangsa.

Biarlah saya jelaskan di sini bahawa masalah-masalah yang timbul daripada keadaan ekonomi yang jatuh merosot melibatkan dan menimpa semua industri dan bukan electronic dan textiles saja. Hanya barangkali disebabkan publisiti lebih banyak diberikan kepada kedua-dua industri ini. Maka ianya menjadi pandangan yang sebelah pihak. Kita tahu kayu-kayan atau timber-based industries adalah juga mengalami keadaan yang tidak begitu baik pada masa ini.

Malaysia sebagai sebuah negara kecil kedudukannya agak terhad dalam usaha melahirkan industri penggantian import (import substitution industries). Sekiranya kita ingin cepat berjaya dalam pembangunan ekonomi modern, kita haruslah memajukan lebih banyak lagi export-oriented industries dan sanggup menghadapi untung-ruginya menurut edaran turun naik ekonomi sebagai satu kenyataan.

Oleh yang demikian, saya inginlah menjelaskan di sini bahawa kita akan meneruskan polisi kita untuk menarik lebih banyak lagi industri yang labour-intensive dan export-oriented untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu kita juga akan menitikberatkan pembangunan agro-based industry dan juga mineral-based industry yang mempunyai potential besar pada masa hadapan.

Saya sukalah mengingatkan para pengeluar dan pengilang supaya bersama-sama dengan kerajaan menghadapi keadaan masa depan yang sukar ini. Para pengilang seharusnya berada dalam keadaan yang siap sedia memberikan kemudahan dan bertimbang rasa terhadap pekerja-pekerja mereka terutama sekali hendaklah dielakkan membuang pekerja-pekerja selagi alternative lain seperti mengurangkan shift atau rotation shift supaya pekerja-pekerja tidak terputus pendapatan sama sekali.

Saya suka mengambil peluang ini mengingatkan semua pihak bahawa dasar ekonomi kerajaan adalah berasas kepada dasar ekonomi baru yang telah dipersetujui oleh semua pihak di negara kita, oleh itu saya berharap semua syarikat-syarikat di negara kita ini khasnya kepada pengurusan mereka itu supaya mengambil tindakan mematuhi kehendak-kehendak dasar ekonomi baru itu samada dari segi equity participation ataupun penggunaan tenaga kerja. Adalah menjadi dasar kerajaan iaitu tenaga pekerja di kilang-kilang perusahaan hendaklah seberapa boleh mencerminkan masyarakat negara kita yang berbilang bangsa. Oleh itu saya berseru kepada pengurusan-pengurusan syarikat-syarikat supaya mereka itu sentiasa berpandu kepada dasar kerajaan itu.

Dalam projek yang menggunakan taraf teknologi yang tinggi seperti ini mestilah ada persefahaman dan perhubungan mesra di antara satu sama lain. Pengguna-pengguna teknologi sanggup menanggung bayaran untuk teknologi yang diperlukan tetapi teknologi ini sewajibnya disalurkan kepada pengguna tempatan samada melalui sistem latihan yang comprehensive ataupun rancangan under-study dan on-the-job training. Matalamat kita bukan saja untuk memperolehi teknologi moden tetapi juga untuk mengawasi teknologi ini mengikut keadaan tempat. Saya menyeru semua pihak yang berkenaan supaya latihan-latihan yang sesuai diberikan kepada tenaga tempatan agar matalamat ini akan tercapai. Syarikat-syarikat yang menggunakan pegawai dagang hendaklah mempunyai rancangan yang realistik untuk melatih pegawai-pegawai executive tempatan supaya mengambilalih jawatan tersebut apabila tiba masanya.

Akhir sekali, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat Penfibre Sendirian Berhad atas penghormatan kepada saya dan juga kepada seluruh kakitangan syarikat ini atas acara sambutan yang meriah serta majlis yang permai ini.

In conclusion, I would like, once again, to thank the Chairman and Board of Directors of Syarikat Penfibre Sendirian Berhad for the honour that they have given me by inviting me and for making such an excellent arrangement for this opening ceremony. It is my hope and prayer that this industry will grow from day to day as one of our biggest industries in this country.

Dengan itu, saya dengan sukacita merasmikan pembukaan Kilang Syarikat Penfibre ini dan berharap ianya akan mencapai kejayaan.